



PUSAT INOVASI DAN PERUNDINGAN  
CENTRE FOR INNOVATION AND CONSULTATION

# SYARAT DAN GARIS PANDUAN

## GERAN INOVASI & PEMBANGUNAN PRODUK (*PRODUCT INNOVATION & DEVELOPMENT GRANT – PID GRANT*)

### UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI  
PUSAT INOVASI DAN PERUNDINGAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
<https://innovations.usm.my>

## **PENGENALAN**

**Geran Inovasi & Pembangunan Produk (*Product Innovation & Development Grant – PID Grant*)**, sebelum ini dikenali sebagai Dana Inovasi Awal (DIA), merupakan inisiatif Universiti Sains Malaysia (USM) melalui Pusat Inovasi dan Perundingan (PIP), Bahagian Penyelidikan dan Inovasi, terbuka kepada para penyelidik yang telah menyelesaikan penyelidikan fundamental serta mempunyai perancangan untuk menembusi pengkomersilan bagi perkembangan ekonomi dan kebaikan masyarakat.

Projek yang ingin dicadangkan mestilah telah mempunyai Pembuktian Konsep (*Proof of Concept – POC*), i.e. TRL 3 dan ke atas; serta berpotensi untuk dikembangkan ke peringkat pengkomersilan.

Setiap projek di dalam **Geran** PID Universiti Sains Malaysia ini akan diberi peruntukan maksimum sebanyak **RM25,000.00** dan tertakluk kepada kedudukan kewangan Universiti.

## **OBJEKTIF**

Geran PID bertujuan untuk:

- i. Meningkatkan jumlah Pembangunan Eksperimental (*Experimental Development – ED*) dan atau Penyelidikan & Pembangunan (*Research & Development – R&D*) ke arah pengkomersilan
- ii. Menaik taraf Tahap Kesiediaan Teknologi (*Technology Readiness Level – TRL*) sekurang-kurangnya Pembuktian Konsep (POC – TRL 3) kepada tahap yang lebih tinggi (mencapai sekurang-kurangnya TRL 6)
- iii. Merapatkan jurang teknologi kepada proses pengkomersilan sama ada melalui penjualan terus harta intelek, perlesenan, penjualan produk, atau pembukaan Syarikat Terbitan (*Spin Off*)

## **SYARAT PERMOHONAN**

Geran PID Universiti Sains Malaysia ini adalah terbuka kepada semua kakitangan USM dengan syarat-syarat berikut :

- i. **Staf akademik USM (Gred DS/DU/DUG/DUF 45/51/52/53/54/56)**
- ii. **Staf akademik USM (Gred DS/DU/DUG/DUF 45/51/52/53/54/56) yang bertaraf kontrak MESTILAH** mempunyai Penyelidik Bersama bertaraf tetap dan Penyelidik Bersama ini akan kekal aktif sehingga geran tamat
- iii. Pemohon yang tidak aktif seperti sedang **bercuti belajar, cuti sabbatical tidak dibenarkan** menjadi Penyelidik Utama. Penyelidik Utama perlu melepaskan kedudukan sebagai Penyelidik Utama sekiranya bukan lagi berstatus kakitangan USM dalam apa juga skim (seperti berpindah tempat kerja, bersara, tidak disambungkan kontrak) tetapi masih boleh mengekalkan kedudukan sebagai penyelidik bersama.
- iv. Hanya **dibuka kepada mereka yang tidak memegang mana-mana geran dalaman** atau geran dalaman yang telah sampai ke penghujung (mencapai melebihi 70 peratus kemajuan projek dan telah mempunyai hasil penyelidikan).
- v. Projek Penyelidikan/Teknologi/Produk yang telah mendapat Geran Dana Inovasi Awal sebelum ini tidak layak memohon.
- vi. Hanya satu (1) peruntukan Geran PID Universiti Sains Malaysia dibenarkan untuk sesuatu projek pada satu-satu masa.
- vii. Geran PID tidak mengkhususkan kepada mana-mana bidang
- viii. Projek telah mempunyai sekurang-kurangnya Pembuktian Konsep (TRL 3) dan berpotensi untuk dikomersilkan dan boleh mencapai tahap TRL 6 dan ke atas.

- ix. Penyelidik perlu mempunyai rakan industri semasa memohon dan pada akhir geran mempunyai kolaborasi bersama-sama rakan industri ini
- x. Jumlah peruntukan yang dimohon tidak melebihi siling **RM25,000.00**
- xi. Tempoh penyelidikan adalah selama 12 bulan (1 tahun).
- xii. Mana-mana produk yang telah mempunyai perlindungan harta intelek akan diberikan keutamaan dalam penilaian
- xiii. Pengkomersilan dilakukan mengikut peruntukan-peruntukan dalam Polisi Harta Intelek USM yang terkini.
- xiv. Sebarang tuntutan boleh dibuat berasaskan kelayakan penyelidik.

## **KAEDAH PERMOHONAN GERAN INOVASI DAN PEMBANGUNAN PRODUK (PID) UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Semua permohonan yang lengkap perlu dihantar kepada Pengarah Pusat Inovasi dan Perundingan. Borang permohonan boleh dimuat turun di <https://innovations.usm.my>.

### **KRITERIA PENILAIAN**

Geran PID Universiti Sains Malaysia ini tidak dikhususkan kepada mana-mana bidang penyelidikan. Namun setiap projek perlu telah mempunyai Pembuktian Konsep (TRL 3).

Oleh sebab peruntukan yang diberikan adalah terhad, maka permohonan yang diterima akan dinilai dari beberapa segi iaitu:

- i. Keberkesanan jumlah peruntukan yang boleh diberikan untuk membantu menangani jurang atau isu yang cuba diatasi.
- ii. Impak pengkomersilan harta intelek/pengetahuan/kepakaran tersebut dalam penjana pendapatan untuk Universiti Sains Malaysia.
- iii. Kepentingan pengkomersilan harta intelek/pengetahuan/kepakaran tersebut kepada aktiviti ekonomi negara.
- iv. Lain-lain faktor yang ditentukan melalui budi bicara Naib Canselor dari semasa ke semasa.

### **PERATURAN KEWANGAN**

Peruntukan dana adalah dalam Vot Kawalan dan hanya membenarkan Vot seperti dibawah sahaja:

<b>VOT</b>	<b>DEFINISI</b>	<b>CATATAN</b>									
<b>Vot 11000</b> (Upah/Gaji dan Elaun Pembantu Pelajar, Pembantu Penyelidik (RA) / Pegawai Penyelidik (RO)/GRA)	Pembantu Pelajar atau; Pembantu Penyelidik (RA) atau; Pegawai Penyelidik (RO) atau; Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja.	1. Kadar elaun Pembantu Pelajar atau Pembantu Penyelidik atau Pegawai Penyelidik adalah mengikut kadar Skim Saraan Malaysia 2007 (tidak termasuk KWSP/SOCSO). 2. Kadar elaun Pembantu Penyelidik Siswazah adalah seperti berikut: <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <thead> <tr> <th></th> <th>Minimum</th> <th>Maksimum</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Sarjana</td> <td>RM1,000</td> <td>RM1,300</td> </tr> <tr> <td>PhD</td> <td>RM1,200</td> <td>RM1,500</td> </tr> </tbody> </table> *tidak termasuk KWSP/SOCSO.		Minimum	Maksimum	Sarjana	RM1,000	RM1,300	PhD	RM1,200	RM1,500
	Minimum	Maksimum									
Sarjana	RM1,000	RM1,300									
PhD	RM1,200	RM1,500									

		Pindaan keluar Vot 11000 tidak dibenarkan tetapi dibenarkan tambahan daripada Vot lain. (Tidak dibenarkan untuk Staf Bukan Akademik).
<b>Vot 21000</b> (Perjalanan & Pengangkutan)	Perjalanan bagi tujuan kerja lapangan dan menghadiri bengkel dalam negara sahaja.	1. Maksimum peruntukan dibenarkan hanya <b>RM3,000 untuk kerja lapangan dan bengkel dalam negara yang berkaitan.</b> 2. Menghadiri persidangan tidak dibenarkan, 3. Pindaan Vot tambahan ke Vot 21000 tidak dibenarkan.
<b>Vot 23000</b> (Perhubungan dan Utiliti)	Perbelanjaan bagi penggunaan telefon, faks, pos dan lain lagi yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.	Sertakan perincian yang munasabah.
<b>Vot 24000</b> (Sewaan)	Bagi peralatan, pengangkutan, bangunan dan barangan yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.	Sertakan perincian yang munasabah.
<b>Vot 26000</b> (Bekalan Bahan Penyelenggaraan dan Pembaikan)	Perbelanjaan bagi bahan penyelenggaraan dan pembaikan aset dan tidak termasuk kos pengangkutan.	Sertakan perincian yang munasabah.
<b>Vot 27000</b> (Bekalan & Bahan Penyelidikan)	Bahan mentah dan bahan berkaitan penyelidikan sahaja.	Sertakan perincian yang munasabah.
<b>Vot 28000</b> (Penyelenggaraan dan Ubah Suai)	1. Perbelanjaan baik pulih & pengubahsuaian kecil bangunan, makmal, peralatan berkaitan penyelidikan 2. Penyelenggaraan peralatan sedia ada juga dibenarkan.	
<b>Vot 29000</b> (Perkhidmatan Ikhtisas)	Perkhidmatan seperti percetakan, honorarium, konsultasi, khidmat kepakaran, suntingan bahasa dll.  Perkhidmatan khas seperti kos dan yuran bengkel, bayaran penerbitan dll.	Pembayaran honorarium kepada Penyelidik Utama atau Penyelidik Bersama tidak dibenarkan.
<b>Vot 35000</b> (Peralatan & Aksesori)	Pembelian alatan dan aksesori untuk penyelidikan.	1. <b>Tidak boleh melebihi 40%</b> daripada jumlah keseluruhan peruntukan projek. 2. Perlu kemukakan Justifikasi dan tiga (3) sebut harga bagi setiap alatan. 3. Memerlukan kelulusan panel penilai. 4. <b>Pembelian alatan ICT seperti laptop tidak dibenarkan.</b> 5. Pihak Universiti boleh mengagihkan semula peralatan yang diluluskan di bawah geran penyelidikan seandainya terdapat

		penyelidik lain yang memerlukan peralatan tersebut selepas projek tamat.
<b>Vot 52000</b> (Bayaran-bayaran lain)	Perbelanjaan lain seperti caj bank, pembaharuan lesen perisian dan cukai.	

Penyelidik Utama diwajibkan memantau dan membuat perbelanjaan berdasarkan peruntukan yang telah **diluluskan mengikut Vot sahaja**. Sebarang perbelanjaan melebihi peruntukan yang telah diluluskan harus ditanggung oleh Penyelidik Utama. Peruntukan yang tidak habis digunakan dalam tempoh yang ditetapkan akan **LUPUT**.

Peruntukan yang telah diluluskan **TIDAK BOLEH** digunakan untuk perkara seperti berikut :

- Menghasilkan pelan perniagaan
- Kajian pasaran
- Permohonan dan pendaftaran Harta Intelekt
- Pameran dan promosi produk
- Pembentangan persidangan
- **Nota** : Peraturan-peraturan ini adalah tertakluk kepada budi bicara Naib Canselor dari semasa ke semasa.

## **TEMPOH PENYELIDIKAN**

- i. Tempoh Pelaksanaan Geran PID adalah selama 12 bulan (1 Tahun).
- ii. Penyelidik Utama perlu memastikan projek penyelidikan dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai sasaran output yang telah diluluskan berdasarkan kertas cadangan (proposal).
- iii. Sekiranya Penyelidik Utama memerlukan perlanjutan tempoh geran bagi meneruskan kelangsungan projek tersebut, Penyelidik utama perlu mengemukakan permohonan yang lengkap merangkumi justifikasi dan keperluan perlanjutan berserta dokumen sokongan yang berkaitan untuk pertimbangan dan kelulusan Pusat Inovasi dan Perundingan (CIC).
- iv. Tempoh Perlanjutan maksimum yang dibenarkan adalah selama **6 bulan sahaja**. Penyelidik Utama bertanggungjawab untuk memohon perlanjutan dengan mengisi borang HEPG **3 bulan sebelum tarikh tamat tempoh geran**.
- v. Justifikasi perlanjutan tempoh yang **TIDAK BOLEH** dipertimbangkan adalah seperti berikut:
  - Penerbitan artikel jurnal, buku dan lain-lain;
  - Membayar Upah/Gaji dan Elaun Pembantu Pelajar, Pembantu Penyelidik (RA) / Pegawai Penyelidik (RO)/GRA;
  - Membuat perolehan harta modal di akhir projek penyelidikan;
  - Membelanjakan baki peruntukan untuk penyelidikan; atau
  - Sebab-sebab lain justifikasi yang tidak kukuh dan tidak jelas.

## **PEMANTAUAN**

- i. Laporan kemajuan mestilah dikemukakan 6 bulan dari tarikh geran bermula.

- ii. Pusat Inovasi dan Perundingan akan mengadakan sesi penilaian laporan kemajuan bagi memantau prestasi projek mengikut kertas cadangan (proposal) yang telah diluluskan.

## **OUTPUT**

- i. Mempunyai satu Minimum Viable Product (MVP)
- ii. Mempunyai kolaborasi bersama sekurang-kurangnya satu rakan industri
- iii. Diwajibkan untuk memohon geran pembangunan yang berikutnya seperti TRGS, PRGS, PPRN, MGC (TED) atau mana-mana geran pembangunan/pra-pengkomersilan yang lain dalam tempoh setahun
- iv. Menghadiri kursus penyediaan *Business Model Canvas* (BMC) yang akan dianjurkan oleh PIP dan menyediakan satu dokumen BMC di dalam laporan akhir

## **PENUTUPAN/ PENAMATAN GERAN**

- i. Hasil penyelidikan mestilah dalam bentuk makalah jurnal/ monograf/ buku dan mestilah merakamkan penghargaan kepada Geran PID, Universiti Sains Malaysia beserta nombor akaun/rujukan geran dicatatkan pada acknowledgement penerbitan yang dihasilkan, jika tiada sebarang penghargaan maka ia tidak akan diambil kira sebagai output geran tersebut. Nama Universiti juga perlu ditulis dengan penuh/lengkap iaitu '**Universiti Sains Malaysia**'.
- ii. Penyelidik dikehendaki mengemukakan **laporan akhir** mengikut format yang telah disediakan bersama dengan salinan manuskrip hasil penyelidikan dan dokumen-dokumen berkaitan seperti salinan thesis pelajar serta borang serahan aset/inventori yang dibeli menggunakan geran ini.
- iii. Semua pembelian aset/inventori perlu diisytihar dan dikembalikan (melalui Borang Penyerahan Aset/Inventori dan salinan Kew.PA-2/Kew.PA-3) sebagai alatan guna sama yang diletakkan di bawah pengawasan PTJ masing-masing dan **merupakan hak milik USM**.
- iv. Bagi pertukaran lokasi alatan/pelupusan/kehilangan harta yang telah didaftarkan di bawah PTJ semasa pembelian/perolehan melalui peruntukan projek/geran perlulah melalui prosedur semasa Universiti melalui Jabatan Bendahari.
- v. Kegagalan mengemukakan Laporan Akhir Geran juga akan menjejaskan permohonan baru Geran Dalam Universiti pada masa depan. Penyelidik juga berkemungkinan besar **disenarai hitam** sekiranya laporan tersebut tidak dikemukakan selepas dua (2) peringatan dihantar.
- vi. Penyelidik Utama, Penyelidik Bersama dan semua yang terlibat dengan geran/projek adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Sains Malaysia, Statut, Akta, Peraturan, Pekeliling, Syarat, Polisi Harta Intelek Universiti, Peraturan Pengurusan Kewangan Penyelidikan Universiti dan Peraturan/Peraturan lain yang berkuatkuasa di Universiti Sains Malaysia